

Sektor korporat perlu bantu pertanian

“Bidang bioteknologi adalah salah satu pasarana yang membolehkan sektor korporat untuk memainkan peranannya untuk membantu pihak kerajaan”.

Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid

Oleh: NOOR ESZEREEN JUFERI

9 Mac 2006 (Khamis) - “Seperti ahli akademik yang mengendalikan penyelidikan berkenaan pertanian untuk beberapa dekad, saya juga terlibat dalam industri perniagaan pertanian sudah bertahun-tahun dan saya harap dengan ucapan saya hari ini dapat memberikan prespektif mengenai peranan pihak korporat dalam industri pertanian” kata Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid yang hadir atas jemputan Yayasan Pak Rashid

yang dikendalikan oleh Pusat Kerjaya dan Alumni, Universiti Putra Malaysia (UPM) di Panggung Percubaan UPM.

Beliau turut memberikan ucapan beliau berkenaan 'Sektor Korporat dan Pertanian' berdasarkan pengalaman beliau terlibat dalam industri pertanian. Dalam ucapan beliau, beliau menyatakan sektor pertanian ini adalah salah satu sektor yang penting dalam ekonomi Malaysia.

Menurutnya lagi, masyarakat perlu berfikiran progresif bahawa pertanian adalah salah satu aktiviti ekonomi yang

memperolehi potensi dalam menjana ekonomi negara. Bidang bioteknologi adalah salah satu pasarana yang membolehkan sektor korporat untuk memainkan peranannya untuk membantu pihak kerajaan.

Turut hadir Naib Canselor UPM, Prof. Nik Mustafa Raja Abdullah, Dato' Mohd Noor Hj Ismail, Pengerusi Alumni UPM dan Prof. Tan Sri Dato' Dr. Mohd Rashdan Baba.